

CNS8213

U GB 03-11 00133 BH920

aab

KUMPULAN HASUT PENDUDUK MUNGKIN DIBIAYAI NEGARA ASING
Mahathir - Kumpulan

LANGKAWI, 3 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menolak kemungkinan bahawa kumpulan yang suka menghasut penduduk Langkawi dibiayai oleh negara asing.

Katanya, kumpulan itu yang dikenal pasti dari Pulau Pinang bukan sebuah pertubuhan politik tetapi rapat dengan parti pembangkang.

+Mereka tidak ada kerja lain melainkan menghasut orang kononnya untuk menolong penduduk Langkawi. Kalau ikut nasihat mereka, pembangunan Langkawi akan gagal,+ katanya kepada pemberita semasa melawat ke sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kumpulan itu mungkin dibiayai oleh negara asing untuk menggagalkan ekonomi Malaysia.

Perdana Menteri berkata kerajaan bagaimanapun tidak akan mengambil sebarang tindakan ke atas mereka kerana Malaysia ialah sebuah negara bebas.
-- Lagi

♥03/11/19-46MST

CNS8214

U GB 03-11 00113 BH921

aab

Mahathir - Kumpulan 2 (Akhir) Langkawi

+Orang yang tidak mempunyai semangat patriotik memang banyak. Mereka sedia melacurkan diri kepada orang asing,+ katanyp.

Beliau berkata penduduk Langkawi harus bersyukur kerana menikmati taraf hidup yang lebih baik hasil rancangan kerajaan menjadikan pulau itu sebagai pulau pelancongan.

Mengenai cadangan penubuhan Tabung Amanah yang dipanggil Amanah Saham Anak Langkawi (ASAL) bagi menolong penduduk pulau itu di kawasan-kawasan yang tertinggal daripada arus pembangunan, beliau berkata tabung itu kini dalam proses penubuhan.

Cadangan penubuhan ASAL diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir awal tahun ini bertujuan untuk mengagihkan keuntungan daripada pelaburan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) kepada penduduk berkenaan.-- Bernama,

♥03/11/19-47MST